

**Prestasi Kewangan FELDA Memberangsangkan, Kata Najib Bernama
13 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Pertumbuhan kewangan FELDA terus mencatat prestasi memberangsangkan dengan nilai semasa saham yang tersenarai dan tidak tersenarai serta dana dalam amanah raya miliknya mencecah lebih RM8 bilion.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pencapaian terkini Felda itu dilaporkan pengurusan organisasi itu pada mesyuarat Pengurusan Felda hari ini, yang turut dihadiri beliau.

"Saya bangga apabila dilaporkan punca kewangan FELDA semakin kukuh dan semua anak syarikat turut mencatat prestasi menggalakkan.

"Malah, pelaburan FELDA menerusi pembelian syarikat gula (Malaysian Sugar Manufacturing) juga begitu menggalakkan apabila nilai sahamnya meningkat daripada RM3.36 sen sesaham kepada RM5.30 ketika ini, " katanya.

Berucap pada majlis jamuan hari raya Aldilfitri FELDA di sini, Najib berkata pencapaian itu membuktikan FELDA sebagai sebuah organisasi, mampu mencatat kejayaan dan akan terus melakukan pelbagai pembaharuan serta program pembangunan.

Najib berkata antara program pembangunan yang ditumpukan ialah rancangan perumahan generasi kedua FELDA.

"Rancangan perumahan generasi kedua akan diperkasakan. Setiap gugusan FELDA yang belum ada rancangan perumahan, akan kita laksanakan, manakala yang sudah ada, kita akan tambah bilangannya," katanya.

Perdana Menteri berkata masyarakat FELDA, khususnya peneroka kelapa sawit, kini merupakan golongan yang bertuah kerana dapat merasai hasil besar daripada pembaharuan agensi itu.

"Kini, pendapatan pekebun sawit meningkat kepada RM4,500 sebulan, menjadikan mereka termasuk dalam golongan pendapatan pertengahan di negara ini... masyarakat FELDA boleh menjadi komuniti berjaya," katanya.

Najib juga berharap warga FELDA terus mempertahankan organisasi berkenaan dan apa yang telah diperolehi selama ini.

Terdahulu, beliau mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan FELDA serta menyaksikan perjanjian persefahaman antara anak syarikat FELDA, FELDA Prodata Systems Sdn Bhd dengan syarikat penyedia sistem IT India, Tata Consultations Services.

--BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=613249>